

# Gabem laksana langkah proakt

BH 1/2/08 M/S 13

Oleh Hasliza Hassan

**G**AGASAN Badan Ekonomi Melayu (Gabem) yang penubuhannya direstui Umno terus mengorak langkah proaktif bagi melaksanakan strategi bagi mencapai matlamat penubuhannya sebagai pemangkin gerak kerja untuk memperkasa ekonomi Melayu.

Strategi yang menjadi teras perjuangan gagasan itu adalah faktor penting untuk meningkatkan ekonomi Melayu sejajar penubuhan Gabem memberi fokus kepada mencapai matlamat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MP-PB2) generasi baru.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, ketika memberitahu perkembangan terbaru Gabem berkata, setiap teras sudah melalui proses pengembangan secara berperingkat dan bersepadu mengikut landasan ditetapkan.

Contohnya, dalam meningkatkan pemuafakatan yang menjadi teras pertama, 100 anggota gabungan Gabem bersetuju berganding bahu memikul perjuangan Gabem berasaskan kepada lima teras dengan mengambil langkah perlu untuk mengubah cita-cita menjadi kenyataan.

Menerusi dialog bersama 400 peserta mewakili 100 anggota gabungan Gabem yang diadakan baru-baru ini, beliau berkata satu ikrar dibuat masyarakat ekonomi Melayu menyokong kerajaan untuk tidak berkompromi terhadap dasar negara yang tercatat dalam Perlembagaan seperti hak istimewa orang Melayu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan lain-lain yang berkaitan dengan masyarakat Melayu.

“Kejayaan Gabem mengumpul 400 peserta daripada badan ekonomi Melayu itu menunjukkan kejayaan mengadakan pemuafakatan bersama dan apabila kita terangkai menjadi satu pasukan, maka desakan kita kepada kerajaan menjadi lebih serius.

“Apa pun tekanan yang datang, kerajaan tidak boleh berganjak daripada prinsip meneruskan perjuangan untuk menyempurnakan kehendak perlembagaan dan dasar yang sudah dibuat,” katanya.

Begitu juga usaha membekalkan pemimpin ekonomi Melayu yang profesional dan bersemangat patriotik, ia direalisasikan menerusi Badan Latihan Gabem (Gabex) menerusi kursus untuk ahli Gabem di seluruh negara.

Malah, kata Abdul Rahim, Gabem akan meneruskan aktiviti Gabex dengan lebih agresif selepas penubuhan Gabem negeri dilancarkan nanti di mana setiap program akan sentiasa berlandaskan kepada empat prinsip utama iaitu membawa kecemerlangan kepada setiap usahawan Melayu, menggalakkan hijrah minda dan anjakan paradigma bangsa Melayu, memesatkan jihad ekonomi Melayu dan menyuntik, membakar semangat patriotisme ekonomi Melayu.

Katanya, kursus anjuran Gabem bermanfaat dalam hal memperjuangkan ekonomi orang Melayu yang memerlukan pemimpin bukan saja berkebolehan, profesional, dinamik, proaktif, tetapi juga mempunyai semangat patriotik dan nasionalis.

Pemimpin ekonomi orang Melayu adalah mereka yang meletak kepentingan organisasi melebihi kepenting-



“*Setiap individu penyumbang kejayaan ekonomi Melayu dan jika dia gagal, semua anggota ekonomi Melayu turut gagal kerana kemajuan ekonomi Melayu tidak terletak kepada bahu seorang individu Melayu saja*”

**Abdul Rahim Tamby Chik**  
Pengerusi Gabem

# itif perkasa ekonomi Melayu

ngan peribadi, tidak menyeleweng, tidak rasuah dan mampu mengangakat martabat ahli yang mereka perjuangkan dalam badan ekonomi berkenaan.

“Prestasi Gabem dalam membe-kalkan unsur ini memperlihatkan objektif kedua Gabem sedang dilak-sanakan secara serius bermula se-jak akhir tahun lalu. Kita pastikan yang hadir ialah pemimpin ekono-mi, pegawai kerajaan yang ada kedudukan supaya ada penghayatan agenda Melayu dalam tugas mere-ka,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan mak-lum balas diterima menunjukkan wujud keinsafan di kalangan anggota betapa kedudukan Melayu terkebe-lakang bukan kerana orang lain, te-pati disebabkan sikap sesetengah me-reka suka menyeleweng, terbabit de-ngan rasuah dan amalan Ali Baba projek yang diterima.

Setiap individu adalah penyum-bang kepada kejayaan ekonomi Me-layu dan jika dia gagal, semua ang-gota ekonomi Melayu turut gagal sama kerana kemajuan ekonomi orang Melayu tidak terletak kepada bahu seorang individu Melayu sa-ja.

Abdul Rahim berkata, Gabem ber-harap pendedahan serta asakan yang dibuat secara bertubi-tubi untuk me-nyedarkan anggota ekonomi Melayu akan mengubah sikap mereka men-jadi peniaga dan syarikat yang me-lakukan sesuatu itu dengan amanah, ikhlas serta jujur.

Katanya, dengan semua unsur po-sitif serta nilai patriotik yang di-semai, tanggungjawab Gabem seba-gai badan memantau serta mencegah ketirisan akan menjadi lebih mudah kerana tidak perlu bimbang berla-

kunya penyelewengan apabila semua bersikap jujur, ikhlas dan amanah dalam melakukan tugas masing-masing.

Apa yang perlu diberi perhatian dalam aspek mencegah ketirisan oleh Gabem ialah memenuhi permin-taan Perdana Menteri yang juga Pre-siden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memantau se-mua projek, kontrak, konsesi atau peluang perniagaan diberi agensi ke-rajaaan sejak dari awal lagi.

Tujuannya supaya penyelewengan dapat dicegah dengan cepat dan ber-kesan, bukan selepas semua sudah hilang atau keadaan menjadi tidak terkawal, baru hendak mengambil tindakan.

Mengenai jihad ekonomi, tujan-nya untuk mengubah pemikiran Me-layu menjadi masyarakat ekonomi yang kental dan sayang kepada bang-sa sendiri melalui dua pendekatan iaitu pendekatan kasih sayang dan cinta kepada bangsa.

Abdul Rahim berkata, perbelan-jaan orang Melayu yang menjadi pengguna terbesar akan cair begitu saja dan tidak tertumpu kepada usaha menaikkan martabat peru-sahaan Melayu kerana tidak ada kasih sayang dan cinta kepada bangsa.

Beliau mengakui ada orang Me-layu membuat keputusan membeli barang mengikut pertimbangan ekono-mi semata-mata tanpa mempunyai satu matlamat khas untuk menghal-a kuasa beli ke arah mengangkat mar-tabat orang Melayu dalam semua in-dustri.

“Semangat itu yang kita mahu supaya setiap minda dan keputusan berasaskan kepada usaha untuk membantu. Daripada konteks de-

mokrasi ekonomi, orang Melayu perlu membuat satu pertimbangan patriotik pada bangsa sendiri,” ka-tanya.

Katanya, jihad ekonomi juga ingin mengubah pemikiran masyarakat ekonomi Melayu supaya mengang-gap profesion perniagaan sebagai tanggungjawab fardu kifayah yang perlu dilaksanakan dengan beretika mengambil contoh amalan pernia-gaan Nabi Muhammad yang memen-tingkan kejujuran.

Berhubung perkembangan menge-nai penyertaan ekonomi orang Me-layu melalui kluster, Abdul Rahim berkata, pihaknya sudah memulakan penyelidikan untuk melihat kluster yang mempunyai penyertaan ramai orang Melayu, industri yang kurang serta tidak ada langsung peniaga Me-layu.

Bagi bidang yang tiada pembabi-tan orang Melayu, Gabem akan mengumpul maklumat pihak yang mempunyai potensi untuk menero-kai bidang berkenaan bagi mewu-judkan ekonomi Melayu dalam klus-ter itu.

“Pegawai Gabem sedang buat ka-jian bagi mengenal pasti ruang yang harus kita perteguhkan dan kukuhkan dari semasa ke semasa sebagai langkah menyempurnakan hasrat Umno melihat ekonomi orang Melayu mendapat rangsan-gan untuk menjadi masyarakat ekonomi yang kental dan kuat,” ka-tanya.

Katanya, semua usaha Gabem yang sudah dimulakan dan dilaksanakan akan terus dimantapkan bagi mem-perlihatkan perubahan sikap masya-rakat ekonomi Melayu hingga ber-jaya ke peringkat lebih luas setaraf bangsa lain.